

BAB 6

PENUTUP

6.1 Kesimpulan

Dengan melihat kepada perbincangan yang lalu adalah jelas bahawa syariat Islam adalah syariat yang unik bersesuaian pada setiap masa dan zaman. Kenyataan ini bukanlah dakwaan kosong semata-mata malah ia dibuktikan melalui pengamatan terhadap rahsia serta hikmah di sebalik pensyariatan segala bentuk hukum-hakam di dalamnya. Kesuaian syariat Islam merentasi sempadan masa dan zaman adalah disebabkan ianya berupaya dilaksanakan oleh semua lapisan manusia dalam sebarang keadaan. Sifatnya yang boleh disesuaikan pada semua lapisan manusia dan pada setiap peringkat masa bukanlah bermaksud ia tunduk kepada kemahuan individu atau kehendak semasa manusia. Jika begitu yang difahami maka ini bererti syariat Islam terbelenggu di bawah tuntunan kehendak manusia dan bukannya bertindak sebagai penghukum dan penyelesai permasalahan manusia.

Apa yang dimaksudkan dengan kesesuaianya ialah prinsip-prinsip asas yang ditetapkan oleh syariah mencakupi prinsip mempermudahkan, toleransi, sederhana dan mengangkat kesempitan. Dalam memperundangkan hukum-hakamnya syariat Islam mengambil kira kepentingan-kepentingan manusia dengan melihat kepada kebaikan umum yang terhasil kerana menjalankan hukum-hukum itu. Justeru itu segala tuntutan yang terdapat dalam syariat Islam adalah berbentuk sederhana dan berada dalam lingkungan kemampuan semua lapisan manusia.

Kesederhanaan syariat Islam tidak akan dapat dibuktikan tanpa membandingkan dengan syariat-syariat yang lain. Ia tidak boleh dijadikan kayu ukuran dengan melihat kepada teori-teori yang dibuat oleh akal fikiran manusia memandangkan ia adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah untuk menjadi pegangan dan panduan manusia. Ini kerana tabiat akal itu selamanya akan menidakkannya kelebihan-kelebihan di pihak orang lain dan sering melihat bahawa dirinya sendeiri yang mempunyai kelebihan. Oleh kerana itu untuk melihat bagaimana kesesuaian syariat ini maka ia perlulah dibandingkan dengan syariat-syariat terdahulu yang dibawa oleh nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad saw. Dengan melihat kepada syariat-syariat terdahulu akan jelaslah bagaimana syariat Islam sentiasa berada pada kedudukan di tengah-tengah iaitu tidak terlalu menyukarkan sehingga menimbulkan bebanan-bebanan yang berat kepada manusia dan tidak terlalu longgar sehingga meruntuhkan sistem hidup manusia yang perlukan kepada peraturan-peraturan bagi mengawal kestabilan dan keharmonian hidup sesama mereka.

.....
Opah

Oleh kerana itu, syariat Islam berbeza daripada syariat-syariat agama samā'ī yang lain. Umat-umat dahulu diperintahkan menunaikan taklīf yang agak berat bersesuaian dengan suasana mereka pada ketika itu. Sesetengah perintah yang berat itu telah dibuang daripada umat ini. Sebagai contohnya, Allah mensyariatkan hukum membunuh diri kepada umat dahulu bagi mereka yang ingin bertaubat daripada dosa. Ini jelas sebagaimana difirmankan oleh Allah swt yang bermaksud:

“Dan kenangkanlah ketika nabi Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku, sesungguhnya kamu telah

menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu, iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”¹

Banyak hal lain yang diperintahkan kepada umat-umat dahulu tetapi tidak diperintahkan kepada umat ini. Allah SWT berfirman:

“Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang Engkau telah bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami”²

Menurut pandangan kebanyakan ahli tafsir maksud bebanan di dalam ayat di atas ialah taklīf-taklīf yang berat sementara sebahagian yang lain pula mengatakan ia membawa maksud hukuman yang Allah kenakan kepada mereka yang tidak mentaati perintahnya seperti yang dikenakan kepada umat-umat yang terdahulu³.

Islam menitikberatkan prinsip kecermatan dalam melakukan amalan-amalan ketaatan dan kesederhanaan dalam melakukan amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah memandangkan ketaatan terhadap segala perintah Allah bukanlah objektif utama yang dimaksudkan. Allah SWT tidak menerima apa-apa manfaat

¹Q, al-Baqarah (2):54

²Q, al-Baqarah (2):286

³Al-Imām Muḥammad Rasyīd Ridā, op.cit, jld 3, hlm 150

daripada ketaatan yang dilakukan dan tidak pula ditimpa mudarat dengan kemaksiatan. Namun amalan-amalan ketaatan itu merupakan satu cara latihan dan pendekatan tarbiah yang manfaat dan kebaikannya kembali kepada individu dan kumpulan manusia. Ini bererti tujuan sebenar daripada amalan-amalan itu ialah untuk menimbulkan kebahagiaan kepada manusia, mengimarahkan muka bumi, melakukan amalan dan melalui kehidupan dengan cara yang baik, mengenal pencipta, memelihara sistem masyarakat manusia di atas asas yang sejahtera dan merealisasikan apa yang baik dan yang terlebih baik untuk manusia. Oleh kerana ini kita dapati Rasulullah saw menegaskan prinsip ini kepada para sahabat serta melarang mereka daripada melampau dalam beribadat serta terlalu berlebihan dalam melakukan solat dan puasa serta berlebihan dalam menjauhkan diri daripada perkara-perkara baik yang dihalalkan oleh Allah. Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

“Wahai manusia beramallah sekadar yang kamu mampu, sesungguhnya Allah tidak akan bosan sehingga kamu yang akan bosan dan sesungguhnya amalan yang paling disukai Allah ialah yang berterusan walaupun sedikit” (Al-Bukhārī, Muslim)⁴

Lantaran itu syariat Islam mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya daripada syariat-syariat yang lain. Antara ciri-ciri tersebut ialah ia bertindak memelihara kepentingan umum. Konsep toleransi Islam mengambil kira segenap keadaan manusia samada dalam keadaan susah atau senang, ketika kuat atau lemah, ketika aman atau perang, ketika bermusafir atau bermukim da samada ketika

⁴Al-Bukhārī, op.cit, jld 4, hlm 35.

berada di tempat sendiri atau di tempat orang. Pelonggaran hukum-hakam dalam sesetengah kes merupakan bukti bagi kenyataan ini. Mendirikan sembahyang dalam berbagai cara mengikut keadaan manusia seperti sembahyang dengan sempurna atau sembahyang secara berisyarat menunjukkan bahawa setiap masalah yang dihadapi oleh manusia dalam menjunjung syariat ini diberikan jalan keluar dalam lingkungan yang termampu oleh mereka.

Kebanyakan pembuktian yang dapat diutarakan bagi maksud kesesuaian syariat Islam ialah melalui hukum-hakam fiqhnya. Memandangkan sifat fiqh yang berperanan sebagai panduan amali dalam segala tindak-tanduk manusia samada yang berhubungkait hubungan manusia dengan Allah mahupun hubungan sesama manusia maka itulah perbincangan dalam tajuk ini lebih mengetengahkan fleksibiliti fiqh Islam sebagai lalun membuktikan keseusaian syariat Islam itu sendiri. Ini kerana syariat Islam dalam bentuk yang umum mencakupi berbagai lapangan samada yang berbentuk amali ataupun *i'tiqādī*. Perkara yang menjadi perbandingan di kalangan manusia untuk mengukur ringan dan beratnya sesuatu perkara ialah perkara yang berkaitan dengan perilaku perbuatan zahiriyah mereka. Perkara perilaku hati tidak mungkin dapat dikatakan sukar atau senang untuk ditanggung oleh seseorang memandangkan ia hanya memerlukan kepada persetujuan untuk menerima atau sebaliknya, bukan persiapan kekuatan fizikal untuk melaksanakan tuntutan-tuntutannya. Di sinilah kita lihat relevannya perkataan fiqh disebutkan secara langsung dalam tajuk ini sebagai pembuktian menyeluruh tentang kesesuaian syariat Islam.

Apabila ternyata bahawa kesuaian syariat Islam merentasi sempadan masa dan tempat kebanyakannya dibuktikan melalui hukum-hakam fiqhnya maka timbul satu persoalan bagaimana fiqh Islam dapat berperanan sedemikain rupa. Perkara ini terjawab dengan melihat kepada definisi fiqh yang membawa maksud mengetahui hukum-hakam syara^c yang amali yang diusahakan melalui dalilnya secara terpeinci. Definisi ini sebenarnya tidak lari daripada kefahaman tentang anjuran berijtihad seperti yang dilakukan oleh Rasulullah saw dan diberikan kebenaran kepada mereka yang berkelayakan.

Jika pembuktian tentang fleksibiliti syariat Islam dipetik mkelalui felksibiliti fiqh Islam maka begitulah juga felksibiliti fiqh Islam dipetik melalui lapangan-lapangan ijtihad yang diceburi oleh manusia-manusia ilmuan dan didukung oleh junjungan besar Rasulullah saw.

Dengan melihat kepada fakta-fakta sejarah adalah jelas bahawa persoalan ijtiad yang merupakan elemen dalam fiqh Islam adalah mempunyai asasnya bermula dari zaman Rasulullah saw dan berlangsung sehingga zaman-zaman seterusnya.

Zaman Rasulullah saw merupakan period pembentukan dan pengasasan syariat. Ia adalah zaman turunnya wahyu kepada penyudah segala rasul dengan penurunan kefarduan-kefarduan dan adab-adab yang dianggap sebagai satu metod untuk membimbing kehidupan manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Seperti yang diketahui umum al-Qur'ān dan al-Sunnah merupakan sumber perundangan (*tasyri*⁵) semasa zaman Rasulullah saw. Persoalan yang mungkin timbul ialah, adakah terdapat sumber lain selain kedua-dua sumber ini? Adakah Rasulullah dan para sahabatnya tidak berijtihad dan menunggu turunnya wahyu dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku?

Pada realitinya, apabila Rasulullah saw ditanyakan tentang sesuatu persoalan, kadangkala Baginda menjawabnya berdasarkan pandangannya dan kadangkala Baginda menanti turunnya wahyu. Ada wahyu yang turun bertentangan dengan pandangan Baginda atau keputusan yang dibuat oleh Baginda dalam sesetengah kes. Contohnya seperti yang berlaku dalam persoalan tawanan perang Badar. Nabi telah menerima pendapat Abu Bakar supaya menerima bayaran tebusan daripada orang-orang musyrikin yang ditawan dan menolak pendapat Umar supaya mereka dibunuh. Selepas itu Allah SWT menurunkan firmanya:

"Tidak patut bagi seorang Nabi mempunyai tawanan sebelum ia dapat melumpuhkan musuhnya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda duniawi sedangkan Allah menghendaki (pahala) akhirat (untukmu). Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Kalau sekiranya tidak ada ketetapan yang telah terdahulu dari Allah, nescaya kamu ditimpa siksaan yang besar kerana tebusan yang kamu ambil"⁵

Teguran terhadap Rasulullah saw dalam kedua-dua ayat ini menunjukkan bahawa ijtihad Baginda dalam menerima tebusan tidak disertai dengan taufiq daripada Allah Taala. Memandangkan al-Qur'ān menunjukkan sesetengah peristiwa tentang

⁵Q, al-Anfāl (8): 67-68.

ijtihad Rasulullah saw maka dapatlah disimpulkan bahawa ijtihad sememangnya berlaku di zaman Rasulullah saw⁶.

Kelangsungan peranan ijtihad tidak terbatas semasa zaman Rasulullah saw semata-mata malah ia terus berlaku selepas kewafatan baginda. Selepas kewafatan Rasulullah saw timbul banyak permasalahan baru dalam urusan kehidupan umat Islam yang tidak pernah berlaku sebelum itu. Permasalahan ini semakin bertambah dengan semakin meluasnya pembukaan negara-negara Islam yang mengandungi kebudayaan dan adat tradisi yang berbagai-bagai.

Para sahabat menangani permasalahan baru yang timbul ini dengan merujuk terus kepada kitab Allah dan jika tidak didapati nas di dalam kitab Allah mereka merujuknya kepada al-sunnah. Jika tidak didapati maka mereka akan berijtihad dengan pandangan mereka⁷.

سَبَقَ

Abu Bakar dan Umar pernah mengumpulkan para sahabat untuk meminta pandangan mereka apabila dikemukakan kepada mereka sesuatu perkara yang perlu diselesaikan di mana mereka tidak mendapatinya di dalam kitab Allah atau sunnah

⁶Dr Muḥammad al-Dasūqī, *op.cit*, hlm 139.

⁷*Ibid*, hlm 146.

Rasulullah saw. Apabila mereka bersepakat di atas satu keputusan maka mereka berdua memperakuinya dan menyuruh supaya diikuti⁸.

Semasa zaman Ḥāfiẓīn terdapat kepelbagian halatuju dalam bidang fiqh. Kepelbagian halatuju ini antaranya disebabkan oleh gelombang fitnah yang berlaku pada masa itu sehingga menimbulkan berbagai puak seperti kumpulan Khawārij dan Syī‘ah yang seterusnya menyebabkan setiap kumpulan mempunyai madrasah-madrasah fiqh yang terdapat ciri-ciri ijtihad dan mengistinbātkan hukum⁹.

Lantaran itu para fuqahā' mendapati betapa perlunya mereka memperluaskan skop ijtihad dengan pandangan. Pandangan mereka diperkuatkan dengan keyakinan bahawa syariat yang diturunkan ini mempunyai sebab-sebab dan maksud-maksud di sebalik perundangan sesuatu hukum. Lantaran itu hukum yang diturunkan juga adalah berdasarkan kepada ‘illat dan sebab-sebab itu. Atas alasan ini para fuqahā' tersebut mencari ‘illat-‘illat yang menjadi punca disyariatkan sesuatu hukum dan menetapkan sesuatu hukum adalah berdasarkan kepada kewujudan dan ketiadaan ‘illat tersebut¹⁰.

⁸Syah Waliyullah, op.cit, jld 1, hlm 141.

⁹Dr Muhammad al-Dasūqī, op.cit, hlm 162.

¹⁰*Ibid*, hlm 164.

Semasa zaman Tābi‘īn ilmu fiqh masih belum disusun seperti halnya dengan zaman yang sebelumnya. Hasil-hasil ijtihad dibincangkan oleh para ulama dan penuntut dan dipindahkan dari mulut ke mulut tanpa direkodkan. Ijtihad pada zaman ini juga tidak berdasarkan kepada kaedah-kaedah *uṣūl* yang disusun. Namun begitu kelainan cara di antara dua aliran ahli hadith dan ahli *al-Ra'y* (pandangan) turut memberikan sumbangan yang berkesan dalam mewujudkan tasawwur terhadap etika-*etika* dan teori-teori *uṣūl* dalam mengistinbātkan hukum-hakam walaupun dalam bentuk yang tidak tersusun¹¹.

Hasil daripada perkembangan yang subur dalam bidang fiqh maka para ulama berjaya memaparkan beberapa teori syariat Islam dalam bentuk pengistilahan yang khusus sebagai jelmaan kepada hakikat syariat Islam yang suatu ketika dahulu diwarisi dalam bentuk yang tidak tersusun. Hasil daripada perkembangan inilah kita dapati lahirnya beberapa kaerah dan peraturan yang dikemukakan oleh para *fuqahā'*. Perbincangan tentang bermazhab, bertalīfīq dan bertaqlid adalah hasil daripada kepesatan perkembangan ilmu fiqh. Beberapa teori sokongan kepada kesesuaian fiqh islam telah dilahirkan seperti peninjauan kepada tujuan-tujuan syara' (al-*Maqāṣid al-Syar'iyyah*) dan kaerah-kaerah Fiqh (al-*Qawā'id al-Fiqhīyyah*).

Salah satu daripada topik yang dibincangkan secara mendalam berkaitan teori-teori tersebut ialah konsep tentang adanya rukhsah dalam syariat Islam sebagai salah satu unsur yang membuktikan kesederhanan Syariat Islam.

¹¹*Ibid*, hlm 169.

Secara umumnya rukhsah merupakan salah satu anugerah Allah yang dikaitkan dengan unsur-unsur masyaqqah pada sesuatu perintah. Kadangkala seseorang mukallaf terdedah kepada sesuatu hukum taklif yang sukar baginya dan tidak tertanggung atau boleh dilakukannya tetapi dengan terpaksa mengharungi masyaqqah (kesulitan) yang luar biasa. Walaupun secara keseluruhannya manusia berupaya melakukan tuntutan-tuntutan itu namun Allah swt telah memberikan rukhsah kepadanya untuk meninggalkan perlakuan yang dituntut oleh syara^c. Contohnya seperti orang yang sakit pada bulan Ramadan diberikan rukhsah untuk berbuka puasa dengan syarat ia mengqada'kannya pada hari-hari yang lain. Dengan itu apabila ia berbuka pada bulan Ramadan bererti ia telah menggunakan rukhsah yang diberikan oleh syara^c. Sementara amalan yang dituntut oleh syara^c untuk dilakukannya pada mulanya dikenali dengan panggilan ^cazimah.

Seperti yang telah disebutkan dalam perbincangan awal penulisan ini, terdapat berbagai takrif rukhsah yang diperkenalkan oleh para ulama. Kepelbagaiannya takrif itu bukanlah bererti kepelbagaiannya maksud rukhsah. Ia hanya lebih berbentuk pemilihan seseorang tentang ungkapan-ungkapan untuk memudahkan kefahaman tentang rukhsah yang telah sedia wujud sebelum kewujudan takrif-takrif itu sendiri. Secara keseluruhannya kesimpulan yang dibuat melalui pengamatan penulis bahawa rukhsah yang dimaksudkan oleh para ulama ialah "hukum yang dikecualikan daripada hukum asal kerana adanya masyaqqah". Melalui pengamatan yang dapat dibuat perkataan rukhsah syara^c digunakan untuk berbagai maksud tetapi rukhsah yang dimaksudkan dalam perbincangan ini hanyalah rukhsah yang berbentuk hukum-hukum

pengecualian daripada hukum yang asal. Secara ringkasnya bolehlah dikatakan terdapat dua elemen penting bagi menentukan sesuatu hukum samada termasuk dalam senarai rukhsah ataupun tidak. Elemen itu ialah, ia mestilah hukum yang berfungsi sebagai pengecualian kepada sesuatu hukum yang telah ada sebelum itu dan pengecualian itu hendaklah disebabkan oleh faktor adanya masyaqah (kesukaran). Jelasnya rukhsah adalah satu hukum alternatif kepada hukum asal yang sukar dilaksanakan dalam keadaan tertentu di mana manusia diberikan pilihan dalam keadaan tertentu untuk memilih beramal dengan sesuatu hukum sejajar dengan kemampuan yang ada padanya

Dalam hal ini timbul satu persoalan yang manakah lebih utama untuk diamalkan antara rukhsah dan ^cazimah. Berdasarkan kepada pandangan-pandangan yang telah disebutkan tentang keutamaan beramal antara rukshah dan ^cazimah, penulis menyatakan bahawa beramal dengan rukhsah adalah lebih utama jika didapati gesaan syara^c supaya beramal dengannya adalah lebih kuat atau ia diamalkan bukan dengan tujuan semata-mata untuk mengambil jalan mudah dalam beragama. Justeru itu dalam suasana masyarakat pada hari ini yang semakin tipis tahap pengetahuan dan penghayatan agamanya maka penulis bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Dr Yusuf al-Qardawi: "Jika ditinjau kepada suasana masyarakat ketika ini didapati manusia sekarang lebih memerlukan untuk beramal dengan bentuk peringangan demi menjaga kemaslahatan hidup mereka. Ini juga lantaran penghayatan agama yang semakin menurun di kalangan manusia dan krisis keyakinan yang melanda mereka dalam beragama. Lantaran itu ahli fiqh pada masa kini perlu memilih uslub memudahkan kepada orang awam dalam persoalan-persoalan furu^c tetapi tidak

mengambil remeh dalam masalah-masalah usul. Beramal dengan yang lebih cermat adalah baik bagi diri sendiri dan bagi orang yang kuat pegangannya di kalangan orang-orang mukmin. Tetapi dalam memberikan fatwa kepada masyarakat umum atau menulis untuk pengetahuan orang ramai maka ia perlulah mempunyai syiar melatakan konsep memudahkan dan bukannya memayahkan, menggemarkan dan bukannya menjauhkan. Ini sebagai mengikuti pesanan Rasulullah saw kepada Mu'az dan Abu Mūsā ketika baginda mengutuskan mereka ke Yaman dengan sabdanya:

"Kamu berdua hendaklah mempermudahkan, jangan memayahkan, timbulkanlah kesukaan dan jangan menjadikan manusia lari, bersepakatlah dan jangan kamu berselisih"¹².

Bagi memahami dengan lebih jelas maksud rukhsah yang dibincangkan maka contoh-contohnya perlu ditunjukkan dan bagaimana contoh-contoh tersebut dapat dilaksanakan. Dalam hal ini tajuk penulisan ini memilih lima contoh rukhsah iaitu Rukhsah menyapu di atas khuff, rukhsah sembahyang qaṣar dan jama^c, rukhsah sembahyang khawf dan syiddatulkhawf, rukhsah berbuka puasa dan rukhsah makan makanan yang haram. Kelima-lima contoh rukhsah ini sebenarnya mempunyai banyak ruang untuk dipraktikkan dalam perkhidmatan Angkatan Tentera.

Sebagai contohnya rukhsah menyapu di atas khuff boleh dipraktikkan oleh anggota tentera yang memakai pakaian but ketika menjalankan tugas mereka. Hasil daripada pengamatan yang dibuat adalah didapati bahawa but-but yang dipakai dalam

¹² Al-Bukhāri, al-Jāmi^c al-Sahīḥ, Beirut: Dār al-Qalam tt, jld 1, hlm 27. Lihat juga: Al-Qardāwi, Bai^cul Murābahah lil Āmir Bisysyirā' Kamā Tujrīhi al-Maṣārif al-Islāmiyyah, Kaherah:maktabah wahbah, 1987, hlm 22.

perkhidmatan ketenteraan menepati maksud khuff yang dibincangkan oleh para fuqahā' iaitu pakaian kaki yang menutup buku lali dan boleh dipakai berjalan mengikut adat kebiasaan. Begitulah juga dengan baki rukhsah lain yang telah disebutkan. Secara ringkasnya penulis merumuskan beberapa perkara berikut yang dapat diimplementasikan dalam dunia ketenteraan melalui perbincangan yang telah disebutkan dalam bab-bab yang lalu.

- i). Anggota tentera boleh menyapu di atas tiga jenis kasut yang mereka pakai iaitu spite boot, drill boot dan wellington boot sebagai ganti membasuh kaki ketika mengambil wuduk kali yang kedua atau memperbaharui wuduk dengan syarat kasut-kasut tersebut dipakai dalam keadaan seseorang telah berwuduk dengan sempurna. Mereka boleh menyapu dalam tempoh sehari semalam jika tidak terbabit dalam perjalanan jauh dan tiga hari tiga malam jika sedang dalam perjalanan jauh yang mencukupi jarak qaṣar.
- ii). Anggota tentera boleh mengqaṣar dan menjama'kan sembahyang di saat-saat genting semasa tidak bermusafir seperti ketika terlibat dalam penugasan kawalan yang tidak berupaya untuk bergilir-gilir dan dalam latihan berjalan jauh/lasak apabila adanya kesukaran yang bersanggatan sekalipun perjalanan yang mereka lalui tidak mencukupi jarak yang memboleh diqaṣarkan sembahyang seperti pendapat jumhur ulama. Keharusan ini adalah bersyaratkan ianya tidak dijadikan sebagai satu amalan kebiasaan di samping adanya kesukaran atau hajat yang bersanggatan untuk melakukan demikian. Di samping itu dalam aktiviti berjalan jauh yang tidak mencukupi dua

marhalah, perlulah dilihat kepada tempat dan persediaan yang dilakukan untuk berjalan jauh di mana jika ada tanda yang mereka seorang yang bermusafir dan tempat tuju mereka pula tidak berkisar dalam satu kawasan maka mereka dibenarkan menjama^ckan sembahyang.

i

iii). Anggota tentera yang keluar dengan tujuan berperang boleh mengqaşarkan sembahyang mereka selagi perang belum tamat sekalipun mereka telah mendiami di medan melebihi tempoh empat hari. Pada masa yang sama mereka lebih baik memilih situasi yang ada kesukaran untuk menjama^ckan sembahyang dalam tempoh yang melebihi empat hari ini.

iv). Anggota tentera yang mengalami kecederaan yang bertambah serius dari semasa ke semasa boleh melakukan sembahyang Jama^c. Hukum ini adalah berdasarkan perbincangan tentang keharusan menjama^ckan sembahyang kerana sakit.

ma^cna^cya^c

v). Sekiranya kecederaannya serius pada waktu yang pertama dan dijangka berkurangan pada waktu yang kedua maka adalah lebih utama ia melakukan jama^c ta'khir dan jika sebaliknya adalah lebih utama ia melakukan jama^c taqdim.

vi). Anggota tentera yang mempunyai surau di medan dan sering sembahyang secara berjamaah boleh melakukan sembahyang jama^c taqdim secara berjemaah jika berlaku hujan yang menyebabkan basah dalam perjalanan menuju ke surau dengan mengikut syarat-syarat jama^c kerana hujan yang telah dibincangkan.

vii). Anggota tentera yang diarahkan keluar ke medan tanpa megetahui lokasi sebenar yang dituju boleh mengqasarkan sembahyang jika ia mengetahui tempat yang ia akan pergi jauhnya dua marhalah atau setelah ia melepassi jarak sejauh dua marhalah seperti yang telah disebutkan dalam perbincangan mengenai syarat sembahyang Qasar iaitu mempunyai tujuan ke tempat yang tertentu.

viii). Anggota tentera boleh mengqasarkan sembahyangnya semasa melakukan perjalanan jauh sebaik sahaja ia keluar dari pagar kem yang terdapat perumahan tentera di dalamnya di mana ia mendiami di peumahan tersebut. Ini berdasarkan perbincangan tentang syarat Qasar iaitu melepassi kawasan kediaman.

ix). Dalam keadaan anggota tentera yang tidak mengetahui tujuan sebenar mereka dikerah keluar ke tempat yang mencukupi 2 marhalah tetapi mereka mempunyai sangkaan bahawa mereka ditugaskan melakukan sesuatu misi yang berkepentingan dan tidak bertujuan maksiat, maka mereka boleh mengqasarkan sembahyang. Ini berdasarkan perbincangan tentang syarat Qasar iaitu perjalanan mempunyai tujuan yang tepat.

x). Anggota tentera yang berhenti di sesuatu tempat kerana menunggu tamatnya perang boleh mengqasarkan sembahyangnya selama 17 atau 18 hari.

xi). Anggota yang berulang-alik setiap hari dalam kawasan misi yang jarak jauhnya mencukupi had qasar samada untuk tujuan menghantar bekalan atau rondaan dan

sebagainya boleh mengqasar dan menjama'kan sembahyang walaupun ia adalah tugas rutin mereka.

xii). Dalam suasana peperangan anggota tentera boleh melakukan sembahyang khawf secara berjamaah menurut mana-mana kaifiat yang disebitkan oleh fuqahā'. Namun semasa operasi biasa atau latihan ia tidak boleh dilakukan kecuali jika benar-benar ada kebimbangan ancaman samada oleh pihak musuh atau faktor-faktor lain yang menimbulkan ketakutan.

xiii). Anggota tentera boleh melakukan sembahyang syiddatul khawf dengan bagaimana keadaan yang mampu dilakukan samada ketika berjalan, berlari, menaiki kenderaan. Adanya ancaman ketakutan terhadap serangan musuh memboleh anggota tentera melakukan sembahyang tersebut sekalipun pada masa yang sama mereka berupaya melakukan sembahyang itu dengan cara biasa.

xiv). Anggota komando yang terlibat dalam latihan ikhtiar hidup boleh memakan makanan yang diharamkan apabila sampai ke tahap darurat di mana mereka tidak mendapati makanan yang halal. Garis panduan yang diberikan kepada mereka untuk mengenali batas darurat yang menimpa mereka ialah sekiranya mereka tidak mendapati makanan dan minuman yang halal dalam tempoh sehari semalam. Kebenaran untuk memakan makanan yang haram ketika draurat hanya sekadar yang dapat menahan nyawa atau keselamatan fizikal. Pada masa yang sama mereka dibenarkan untuk berbekal dengan makanan yang haram itu sehinggalah menemui makanan yang halal.

- xv). Tidak dibenarkan anggota komando sengaja memakan makanan yang haram semasa latihan tetapi belum sampai ke tahap darurat dengan alasan untuk membiasakan diri ketika suasana darurat sebenar.
- xvi). Anggota tentera yang melakukan perjalanan jauh ke jarak yang membolehkan diqasar sembahyang diberikan kebenaran untuk berbuka puasa sekalipun memulakan perjalanan mereka setelah terbit fajar.
- xvii). Anggota tentera yang sakit atau cedera semasa operasi/peperangan boleh berbuka puasa apabila kecederaan itu menyukarkannya untuk berpuasa.
- xviii). Anggota tentera yang melakukan kerja-kerja berat seperti operasi perpindahan yang memerlukan penggunaan tenaga yang maksimum boleh berbuka puasa hanya setelah mereka benar-benar tidak berupaya untuk berpuasa. Oleh itu mereka hendaklah bersahur dan berpuasa sebelum melakukan kerja berat itu dan berbuka setelah terjadi ketidakupayaan untuk berpuasa.

Contoh-contoh rukhsah yang dikemukakan untuk dilaksanakan dalam perkhidmatan Angkatan tentera sebenarnya bukanlah terhad dalam dunia ketenteraan semata-mata. Malah ia turut meliputi segala lapangan manusia asalkan terdapat sebab-sebab yang bersesuaian untuk beramal dengan rukhsah tersebut. Contoh-contoh yang disebutkan sekalipun pada asanya adalah mudah dan biasa diketahui umum namun

tidak semstinya ia diketahui oleh semua lapisan masyarakat tentera. Masih terdapat banyak masalah behubung penghayatan agama di kalangan anggota tentera.

6.2 Masalah Dan Cadangan

- i). Sel penyeledikan Jabatanarah KAGAT pernah menjalankan kajian¹³ tentang pencapaian penghayatan agama di kalangan anggota tentera dan hasil yang diperolehi didapati pengakuan yang dibuat oleh semua responden menunjukkan hanya 17.79% anggota tentera yang benar-benar komited dengan pegangan agama. 66.87% anggota didapati kurang komited dengan tuntutan agama di mana mereka akan meninggalkan sembahyang sekiranya sibuk berkerja, terdesak dalam perjalanan dan sebagainya.

Dengan melihat kepada fakta ini masih dirasakan terlalu jauh untuk para anggota berkomited dengan aspek-aspek agama dengan alasan yang terlalu rapuh iaitu kesibukan tugas, suasana tidak selesa dan sebagainya. Jelasnya alasan yang dikemukakan ini bertitik tolak daripada ketidak fahaman mereka dengan kemudahan syariat Islam dan sebahagian rukhsah yang terdapat di dalamnya. Kelemahan yang ketara ini boleh dianggap sebagai insiden yang menyediakan apatah lagi banyak faktor dan sokongan yang terdapat dalam ATM bagi membantu menyelesaikan masalah ini tetapi tidak dimanfaatkan.

¹³Kajian PMAT Bil 9/91, Sel Penyeldikan Jabatanarah KAGAT, MATM/J1KAGAT/SDK/618 Bertarikh 25 Apr 96.

ATM mempunyai satu dasar yang khusus berkaitan peningkatan penghayatan keagamaan di kalangan anggota. Dasar tersebut yang telah diwartakan dalam Perintah Majlis angkatan Tentera Bil 9/91 menyebutkan bahawa "Kehendak PMAT Bil 9/91 mewajibkan setiap anggota melaksanakan aktiviti agama sebanyak 857 jam setahun atau sekurang-kurangnya 800 jam".

Jika dilihat kepada kehendak PMAT seperti yang disebutkan dan dibandingkan dengan kajian yang dibuat oleh Sel Penyeledikan KAGAT ternyata bahawa kehendak PMAT tersebut tidak mencapai sasarannya.

ii). Hukum-hukum fiqh berbentuk rukhsah telah dikenalpasti dengan banyak dalam perbincangan para ulama melalui kitab-kitab yang dikarang oleh mereka. Namun pengamalan kepada aspek-aspek rukhsah tersebut masih di tahap yang minima disebabkan oleh pengabaian individu terhadap hukum-hukum ini sendiri sehingga menimbulkan sangkaan tidak ada perkara baru yang timbul bagi ditonjolkan pengamalan beberapa aspek rukhsah.

Dengan memfokuskan secara khusus kepada dunia ketenteraan didapati terdapat aspek-aspek yang melahirkan rukhsah dalam sesetengah ibadat. Penglibatan anggota tentera dalam misi PBB dan NATO yang mencakupi penugasan kawalan di pos sempadan, penugasan rondaan, penugasan baik pulih infrastruktur, penugasan menangani insiden semasa operasi kesemuanya mempunyai unsur-unsur masyaqiqah yang melahirkan hukum rukhsah dalam berbagai contoh yang telah dikemukakan. Begitu juga aspek-aspek kesulitan semasa latihan yang melibatkan latihan berjalan

6.2.2 Cadangan Kepada Angkatan Tentera Malaysia

i. Pengeluaran Arahan Tetap (Standing Orders)

PMAT Bil 9/91 perlu dijadikan sebagai Arahan Tetap yang ditandatangani oleh panglima-panglima di ketiga-tiga perkhidmatan Darat, Udara dan laut serta panglima-panglima Formasi. Setelah arahan Tetap dikeluarkan pihak Pegawai Memerintah di setiap pasukan adalah bertanggungjawab secara langsung bagi mempastikan perlaksanaan arahan tersebut.

ii. Arahan Pihak Pemerintah Pasukan Memasukkan Aktiviti Agama PMAT Bil 9/91 Ke Dalam Perintah Bahagian 1 Dan Perintah Harian Pasukan.

Semua pihak pemerintah pasukan perlu memastikan supaya setiap aktiviti agama yang termaktub dalam PMAT Bil 9/91 dimasukkan ke dalam Perintah Bahagian Pertama Pasukan atau Perintah Harian. Sebagai contoh: Kuliah Maghrib dan kelas agama pasukan dengan dinyatakan dalam arahan tersebut nama tenaga pengajar dan tajuk yang diajar. Salah satu penekanan kandungan kuliah dipasukan hendaklah ditumpukan kepada suasana semasa operasi dan latihan yang membabitkan kesukaran menunaikan ibadat dalam keadaan yang sempurna.

6.2.3 Cadangan Kepada Kor Agama angkatan Tentera (KAGAT)

i. Peningkatan kefahaman Tentang Konsep Rukhsah Di Kalangan Anggota KAGAT

Memandangkan penulisan ini berkait khusus dengan bidang ketenteraan maka para pegawai dan anggota Kor Agama yang terlibat dalam menguruskan hal-hal keagamaan perlulah peka kepada aspek-aspek ibadat yang mempunyai hubungan secara langsung dengan dunia ketenteraan. Oleh yang demikian mempersiapkan diri dengan pengetahuan hukum-hukum rukhsah adalah satu keperluan yang tidak boleh dianggap ringan. Dengan mengetahui aspek-aspek rukhsah dan azimah memudahkan anggota KAGAT yang bertanggungjawab terhadap pasukan masing-masing dalam aspek keagamaan untuk menangani permasalahan yang timbul berkaitan ibadat terutamanya dalam suasana-suasana operasi dan latihan seperti yang telah dibincangkan.

ii. Penyelidikan Fatwa Peringkat Jabatanarah KAGAT.

Peringkat tertinggi di Jabatanarah KAGAT yang merupakan ibu pejabat pentadbiran KAGAT hendaklah sentiasa mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan mengambil maklum balas daripada anggota KAGAT tentang keadaan-keadaan berkaitan keagamaan di pasukan masing-masing yang memerlukan penjelasan. Sehubungan itu sebagaimana institusi keagamaan yang lain mempunyai bahagian yang bertanggungjawab dalam soal mengeluarkan fatwa maka pihak KAGAT juga perlu mengusahakan tanggungjawab yang sama dengan menujuhan

satu tim penyelidikan yang bertanggungjawab secara langsung menyelidiki perkara-perkara yang memerlukan fatwa berkaitan dengan Anngkatan Tentera Malaysia. Kajian dan penyelidikan yang dibuat hendaklah dimajukan kepada jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk dibincangkan serta mewartakan fatawa yang spesifik kepada kes yang timbul.

iii. Peningkatan Peranan Pasukan Dakwah Lasak KAGAT (PASDAL)

Pasukan Dakwah Lasak yang ditubuhkan oleh Jabatanarah KAGAT mestilah meningkatkan fungsinya dengan tidak membataskan kepada penganjuran kursus semata-mata, malah ia hendaklah berperanan menyertai para anggota yang terlibat dalam operasi pasukan serta menunjukkan secara praktikal bagaimana melaksanakan aspek-aspek rukhsah yang telah disebutkan dalam penulisan ini.

6.3 Penutup

Penulis percaya dengan terlaksananya cadangan-cadangan yang telah disebutkan akan wujudlah kesatuan pemikiran di kalangan pegawai-pegawai KAGAT sekurang-kurangnya dalam batasan hukum-hakam ibadat. Para anggota tentera akan dapat menambah pengetahuan masing-masing dan meningkatkan kesedaran beragama di kalangan mereka setelah menyedari tentang konsep kemudahan Islam yang disampaikan kepada mereka.